



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun, mempertingkatkan serta menambahbaik infrastruktur perundangan harta intelek dan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek (HI).

Seiring dengan kemajuan MyIPO yang dinamik, kami mempelawa warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan di **MyIPO**.

SYARAT-SYARAT ASAS

Kami mempelawa calon-calon yang mempunyai kebolehan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint*;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, berkeyakinan tinggi dan kemahiran berkomunikasi di semua peringkat;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum; dan
- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja di bawah tekanan.

1. JURUUKUR BAHAN – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- i. Penempatan penugasan di **Bahagian Khidmat Pengurusan**;
- ii. Menguruskan kontrak terutamanya jenis PWD Facilities Management & Maintenance Form (2016), PWD Form 203A, Form CSA2014 dan PAM Contract.
- iii. Aspek Perkhidmatan Pra Kontrak;
 - Menyediakan anggaran awal termasuk cabutan butir-butir permulaan bagi tujuan belanjawan tahunan dan perancangan belanjawan.
 - Membantu memberi nasihat ke atas kos semasa peringkat reka bentuk termasuk menyemak semula cabutan butir-butir permulaan bagi tujuan belanjawan tahunan dan perancangan belanjawan.
 - Menyediakan senarai kuantiti termasuk memastikan pengukuran kuantiti berdasarkan Standard Method of Measurement (SMM).
 - Menyediakan semua dokumen tender/ sebut harga, dokumen pra tawaran bagi tujuan memperoleh tender/ sebut harga yang kompetitif.
 - Menyediakan semua dokumen yang dikehendaki bagi tujuan merunding harga kontrak serta menilai.
 - Memberi khidmat nasihat pentadbiran tender/ sebut harga dan kontrak serta urusan pelantikan Perunding/ Kontraktor.

- iv. Aspek Perundingan Harga;
- Menyemak dokumen meja tender dan senarai kuantiti.
 - Mendapatkan sebut harga (*quotation*) dari pembekal berkaitan dengan item-item yang akan dirundingkan.
 - Menyediakan *Build-up Rate* bagi item-item yang akan dirundingkan.
 - Menyediakan anggaran harga kontrak berdasarkan kepada *Build-up Rate* yang disediakan dan juga sebut harga (*quotation*) yang diperolehi dari pihak pembekal.
 - Menyediakan pangkalan data kadar-kadar harga berdasarkan sebut harga dan *as-tendered rate*.
- v. Aspek Pengurusan Perunding;
- Memproses/ menyelia proses permohonan cadangan pelantikan Perunding di peringkat Jawatankuasa Pelantikan Perunding untuk dikemukakan kepada Pengurusan.
 - Mengeluarkan dan menyemak Surat Niat kepada Perunding.
 - Memproses/ menyelia proses permohonan cadangan teknikal dan kewangan Perunding.
 - Mengeluarkan/ menyelia pengeluaran surat pelantikan kepada Perunding serta menyemak *Memorandum of Agreement* Perunding yang dikemukakan.
 - Merekod/ menyelia proses merekod prestasi perunding.
 - Merekod/ menyelia proses merekod status bayaran yuran kepada perunding.
- vi. Aspek Tuntutan;
- Menyelia, menyemak, menyedia, mengemaskinikan, memperkemas dan menyeragam syarat-syarat dan borang-borang tender/ sebut harga dan kontrak.
 - Menyelia, menyemak, menyedia, mengemaskinikan, memperkemas dan menyeragam Bayaran Interim Bulanan, Perakuan Bayaran Muktamad, Arahan Perubahan Kerja, Pelarasan Harga Kontrak serta kelulusan Wang Peruntukan Sementara.

- Menyelia, menyemak dan memberi khidmat nasihat mengenai tender/ sebut harga dan kontrak secara bertulis dan lisan.
- Menyelia, menyemak dan mengurus penyimpanan dan pengedaran surat-surat arahan, pekeliling.
- Menyelia, menyemak dan menjalankan penyelidikan bagi tujuan memperbaiki dasar-dasar berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan tender/ sebut harga dan kontrak.
- Menyelia, menyemak, menyediakan, mengemaskinikan, memperkemas dan menyeragam surat-surat bagi setiap projek yang dilaksanakan.

vii. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Juruukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Berdaftar dengan *Board of Quantity Surveyor Malaysia* (BQSM).
- **Mempunyai pengalaman dalam bidang ukur bahan sekurang-kurangnya tiga (3) hingga lima (5) tahun; dan**
- **Mempunyai kesihatan yang baik untuk berkhidmat dan tidak mempunyai sejarah penyakit kronik.**

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web kami bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 26 Ogos 2024** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
ARAS 20, MENARA MyIPO, PJ SENTRAL
LOT 12, PERSIARAN BARAT, SEKSYEN 52
46200 PETALING JAYA, SELANGOR
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.

PENTING:

- Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/ Ijazah daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>) atau (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/>).